

Lebih 9,000 pesakit perlu jalani dialisis setiap tahun

Satu daripada tujuh rakyat hidap CKD

Oleh NAZARUDIN SHAHARI

SEREMBAN – Statistik terkini mendapati seorang daripada setiap tujuh rakyat negara ini menghidap penyakit buah pinggang kronik (CKD).

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, jumlah pesakit yang menghidap CKD dan juga penyakit tidak berjangkit (NCD) kini sangat membimbangkan dengan lebih 9,000 pesakit perlu menjalani dialisis setiap setahun.

Menurutnya, Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2019 pula menunjukkan sebanyak 1.7 juta individu menghidap tiga jenis NCD utama iaitu diabetes, hipertensi dan kolesterol tinggi.

"Dianggarkan lebih 850 juta orang di seluruh dunia menghidap penyakit buah pinggang dan golongan rentan ini akan terjejas lebih teruk akibat bencana dan pandemik, menyebabkan mereka tidak dapat mengakses perkhidmatan perubatan dan rawatan penjagaan yang betul.

"Kerajaan Malaysia sangat komited dalam memerangi NCD + dan telah memberi tumpuan



DR. ZALIHA (tiga dari kanan) ketika merasmikan Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia peringkat kebangsaan 2023 di Dataran Nilai semalam.

pencegahan CKD dalam Agenda Kesihatan Kebangsaan," katanya dalam ucapan perasmian Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia peringkat kebangsaan 2023 di Dataran Nilai dekat sini semalam.

Hadir sama Presiden Yayan Buah Pinggang Kebangsaan, Datuk Dr. Zaki Morad Mohd. Zaher.

Menurut Dr. Zaliha, selain menangani kebimbangan yang semakin meningkat itu, kementeriannya telah menghasilkan Kertas Putih Kesihatan dengan visi 'Semua untuk Kesihatan, Kesihatan untuk Semua' bagi menjayakan usaha mencegah NCD.

Katanya, tumpuan utama kementeriannya adalah untuk mengubah penjagaan pesakit dengan meluaskan promosi dan pencegahan penyakit sebagai sebahagian daripada fokus baharu terhadap pengurusan NCD.

"Oleh itu, saya mengambil peluang ini menyeru semua rakyat Malaysia bersama-sama mengamalkan gaya hidup sihat serta menjalankan pemeriksaan berkala untuk memastikan kesihatan kita berada pada tahap optimum," ujarnya.